

SURAH
YANG DATANG DI MALAM HARI



Surah: 86 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 17

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Demi langit dan «al-Tariq» (yang datang di malam hari).
2. Dan tahukah engkau apakah «al-Tariq» itu?
3. (Iaitu) bintang yang bersinar tajam (menembusi kegelapan malam).
4. Setiap orang pasti ada penjaganya (malaikat).
5. Maka hendaklah manusia memikirkan daripada apa dia diciptakan.
6. Dia diciptakan daripada air (mani) yang memancut (ke dalam rahim).
7. Yang keluar daripada antara tulang «sulbi» lelaki dan «tulang dada» perempuan.
8. Sesungguhnya Allah benar-benar Berkuasa untuk mengembalikannya (hidup setelah mati).
9. Pada hari dizahirkan segala rahsia.
10. Maka (manusia) tidak lagi mempunyai kekuatan dan tidak ada penolong.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ ①

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ②

النَّجْمُ الثَّاقِبُ ③

إِنْ كُلُّ نَفْسٍ لَّمَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ ④

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ مِمَّ خُلِقَ ⑤

خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ دَافِقٍ ⑥

يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ⑦

إِنَّهُ عَلَى رَجْعِهِ لَقَادِرٌ ⑧

يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ⑨

فَأَنَّهُ لَمِنْ هَوَاتٍ وَلَا نَاصِرٍ ⑩

11. Demi langit yang mengandung hujan⁽¹⁾.
12. Dan bumi yang mempunyai tumbuh-tumbuhan.
13. Sesungguhnya (al-Quran) itu benar-benar suatu firman pemisah (antara yang hak dan yang batil).
14. Dan (al-Quran) itu bukan kata-kata senda gurauan.
15. Sesungguhnya mereka (orang yang kafir) merancang tipu daya yang jahat.
16. Dan Aku pula bertindak membalas rancangan tipu daya (mereka dan menggagalkannya).
17. Maka tangguhkanlah (masa kebinasaan) terhadap orang kafir itu. Berilah tempoh sedikit masa kepada mereka.

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ ﴿١١﴾

وَالْأَرْضِ ذَاتِ الْمُصْدَعِ ﴿١٢﴾

إِنَّهُ لَقَوْلٌ فَصْلٌ ﴿١٣﴾

وَمَا هُوَ بِالْهَزْلِ ﴿١٤﴾

إِنَّهُمْ يَكِيدُونَ كَيْدًا ﴿١٥﴾

وَإَكِيدُ كَيْدًا ﴿١٦﴾

فَتَهْلِكُ الْكَافِرِينَ أَمْهَلُهُمْ رُوَيْدًا ﴿١٧﴾

1 Ar-Raj'i bererti kembali. Hujan dinamakan ar-Raj'i dalam ayat ini, kerana hujan itu berasal dari wap yang naik dari bumi ke udara, kemudian turun ke bumi, kemudian kembali ke atas dan dari atas kembali ke bumi dan begitulah seterusnya.